

## Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban

Zamri Mahamod

[d-zam@ukm.my](mailto:d-zam@ukm.my)

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Magdeline anak Nor

[magsmks@yahoo.com.my](mailto:magsmks@yahoo.com.my)

Sekolah Menengah Kebangsaan Subis

Sarawak

### Abstrak

Keberkesanan dan kepakaran seseorang guru bahasa Iban dapat dinilai melalui teknik pengajarannya. Kajian ini dijalankan berdasarkan konsep pengetahuan guru yang diperkenalkan oleh Shulman (1986), iaitu Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka dan meneliti secara mendalam PPIK yang dimiliki oleh guru bahasa Iban sekolah menengah di Sarawak. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui bagaimana PPIK ini dilaksanakan dalam bentuk penaakulan pedagogi dan tindakan guru semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Empat orang guru bahasa Iban dari Pejabat Pendidikan Daerah Subis, Sarawak dipilih untuk menyertai temu bual dan pemerhatian. Data kajian berbentuk transkrip temu bual dianalisis dengan bantuan perisian Nvivo 8. Kajian ini mendapati bahawa PPIK guru-guru bahasa Iban dipengaruhi oleh disiplin ilmu masing-masing kerana kesemua guru bahasa Iban mempunyai latar belakang pengkhususan yang berbeza-beza. Dapatkan kajian juga menunjukkan tidak ada perbezaan PPIK yang ketara antara guru berpengalaman dengan guru baru. Sebaliknya, faktor berpengalaman guru hanya menjadi faktor sampingan. Kesimpulannya, PPIK guru-guru bahasa Iban ini banyak dipengaruhi oleh latar belakang pengkhususan mereka.

**Katakunci:** Pengetahuan pedagogi isi kandungan, bahasa Iban, guru bahasa Iban, pengajaran bahasa Iban, kajian kes.

## Iban Language School Teachers' Mastery of Pedagogical Content Knowledge

### Abstract

The efficiency and expertise of Iban language teachers are reflected from their teaching techniques. This study was based on the concept of pedagogical content knowledge (PCK) by Shulman (1986). The aims of this study are to explore and examine teachers' PCK in secondary schools in Sarawak. This study also strives to investigate how PCK is

implemented in the form of pedagogical reasonings and actions during teaching in classrooms. This study employed a case study design. Qualitative data were gathered through interviews and teaching observations of four Iban language teachers from the District Education Office of Subis, Sarawak. The research data in the form of transcripts of interviews were analysed using Nvivo 8 software. Research findings indicate that PCK of Iban language teachers are influenced by their disciplines of knowledge as all the respondents have different teaching options. The findings also show that there are no significant differences of PCK between novice and experienced teachers. Instead, teachers experience is known to be a minor factor. In conclusion, PCK Iban language teachers are found to be influenced by their respective options.

**Keywords:** pedagogical content knowledge, Iban language, Iban language teachers, Iban language teaching, case study.

## Pengenalan

Terdapat tiga bahasa etnik yang sudah ditawarkan di sekolah-sekolah kerajaan, iaitu bahasa Iban, bahasa Kadazandusun dan bahasa Semai. Ketiga-tiga bahasa ibunda tersebut ditawarkan berikutan penawaran bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran tambahan di sekolah. Pada masa ini, ketiga-tiga mata pelajaran bahasa ibunda tersebut dikategorikan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah (Unit Bahasa Etnik, 2010). Bahasa Iban ditawarkan di sekolah-sekolah yang terdapat di Sarawak, bahasa Kadazandusun ditawarkan di negeri Sabah dan bahasa Semai pula ditawarkan di negeri Perak dan Pahang (Unit Bahasa Etnik, 2007). Bahasa Iban ialah bahasa yang dituturkan oleh kaum Iban di Sarawak. Kaum Iban merupakan kumpulan etnik terbesar negeri Sarawak (*Sarawak Government Official Portal*, 2010). Faktor tersebut mungkin menjadi punca jumlah murid yang mempelajari bahasa Iban jauh lebih besar berbanding dengan bahasa Kadazandusun dan bahasa Semai (Unit Bahasa Etnik, 2010).

Pembelajaran yang berkesan berkait rapat dengan pengajaran guru. Pengetahuan dan kepercayaan guru terhadap pengajarannya akan mempengaruhi corak pembelajaran murid-muridnya (Solis, 2009). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban, tidak dapat dinafikan pengetahuan dan pengajaran guru akan mempengaruhi corak pembelajaran murid-murid Iban (Magdeline anak Nor, 2008). Oleh sebab itu, Shulman (1986) berpendapat Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) menjadi teras pengetahuan guru yang terpenting. Pengetahuan kandungan merujuk kepada bidang pengetahuan guru tentang isi kandungan mata pelajaran Bahasa Iban, manakala pengetahuan pedagogi pula adalah berkaitan dengan pengetahuan mengenai strategi pengajaran yang khusus.

Kajian ini dilaksanakan untuk meneroka PPK guru-guru bahasa Iban di Sarawak. Penggunaan PPK guru semasa proses pengajaran akan diteliti secara mendalam. Hal ini kerana, PPK bukan sahaja melibatkan kefahaman guru terhadap pengetahuan isi kandungan bahasa Iban yang disampaikan kepada murid, tetapi juga keupayaan mereka mempelbagaikan kaedah pengajaran agar mudah difahami oleh murid. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan keupayaan guru bahasa Iban mengajar mata

pelajaran tersebut dengan berkesan amat bergantung kepada pengalaman, pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi mata pelajaran tersebut (Shulman, 1986).

## Pengetahuan Pedagogi Kandungan

Istilah *Pedagogical Content Knowledge* (PCK) atau Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) telah diperkenalkan lebih 20 tahun yang lalu (Solis, 2009). Penyelidik dalam bidang akademik masih menggunakan PPK untuk merujuk pengetahuan tentang mata muridan dan pengetahuan tentang pengajaran. PPK telah dikembangkan merentasi pelbagai bidang ilmu dan telah dipetik lebih daripada 1200 orang penyelidik (Solis, 2009). Veal dan Makinster (1999) telah membezakan pengetahuan pedagogi dengan PPK berdasarkan taksonomi. Menurut mereka, pengetahuan pedagogi merujuk kepada cara menstrukturkan dan mengendalikan pembelajaran. Manakala, PPK pula merujuk kepada pelbagai cara untuk mengajar topik yang khusus dalam sesuatu mata pelajaran.

PPK sebenarnya mula diperkenalkan pada akhir 1980-an oleh Shulman (1986) yang telah mengendalikan kajian kes terhadap guru sekolah menengah. Kajian beliau diberi nama *Knowledge Growth in Teaching*. Peserta kajian tersebut terdiri daripada lulusan dalam bidang Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, dan Kesusteraan. Shulman telah mengkaji beberapa kemungkinan sebab pengetahuan guru telah merosot pada masa lalu. Kajian beliau mendapat 90 peratus hingga 95 peratus dapatan menunjukkan guru-guru perlu menguasai sama ada pengetahuan mata muridan atau atas pengetahuan am.

PPK ialah konstruksi yang digunakan Shulman untuk menjelaskan bidang pengetahuan guru mengenai isi kandungan (mata pelajaran) dan pedagogi (strategi pengajaran). PPK merupakan pemahaman guru mengenai cara membantu murid memahami sesuatu mata muridan secara khusus. Hal ini termasuklah pengetahuan tentang cara tajuk-tajuk tertentu dalam sesuatu mata pelajaran, masalah dan isu-isu boleh disusun, dipersembahkan dan disesuaikan dengan pelbagai minat dan kebolehan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. PPK akan membantu guru-guru dalam membuat analogi, metafora, memberi contoh, mengadakan pelbagai aktiviti dan tunjuk cara bagi membantu kejayaan murid (Shulman, 1986).

Zaidah Yazid (2005) berpendapat PPK ialah perkara yang guru tahu tentang pengetahuan isi kandungan mata pelajaran dan cara mereka menterjemahkan pengetahuan tersebut dalam aktiviti bilik darjah, konseptualisasinya dan mengajar topik-topik khusus dalam sesuatu subjek. Menurut Abdul Shatar Che Abd Rahman (2007) pula, PPK adalah pengetahuan isi kandungan guru yang telah dipindahkan menjadi sesuatu yang berbeza daripada sebelumnya ke dalam bentuk aplikasi yang praktikal dalam pengajaran. Tinjauan literatur mendapat seorang guru yang mempunyai PPK akan dapat meningkatkan keberkesanan pengajarannya.

Veal dan Makinster (1999) pula menghuraikan PPK dalam bentuk taksonomi am tentang PPK yang terdiri daripada PPK am, PPK domain khusus dan PPK topik khusus. Mereka telah mengelaskan pelbagai jenis PPK secara hierarki dan pengelasan ini dikenali sebagai

taksonomi PPK am. Mereka menyatakan bahawa asas kepada taksonomi ini ialah pengetahuan pedagogi yang patut dikuasai oleh semua guru. Pengetahuan pedagogi terdiri daripada cara merancang, kaedah pengajaran, penilaian, kerja kumpulan, cara menyoal dan cara memberi maklum balas. Seorang guru pakar dalam PPK am mempunyai kefahaman yang baik tentang konsep pedagogi. PPK am lebih terperinci berbanding pedagogi kerana menjurus kepada mata pelajaran seperti Matematik, Sains, Sejarah, Seni atau bahasa Inggeris. Orientasi PPK am boleh diimplementasikan kepada pelbagai mata pelajaran lain, tetapi proses, tujuan dan isi kandungan tentunya berbeza (Veal & Makinster, 1999).

PPK bidang khusus pula lebih jelas berbanding dengan PPK am kerana memberi tumpuan kepada satu daripada beberapa bidang yang berbeza (Veal & Makinster, 1999). Bidang khusus mata pelajaran Bahasa Iban ialah *jalai jaku* (tatabahasa), *tanya saut* (kefahaman), *karang* (karangan) dan *litericha* (sastera). Setiap bidang ini mempunyai pemahaman terhadap kurikulum dan bantu bantu mengajar yang berbeza. Walau bagaimanapun, bentuk dan instrumen penilaian setiap bidang adalah sama. Setiap bidang pula mempunyai topik-topik yang tertentu. PPK topik khusus ialah tahap khusus dan terpenting dalam taksonomi ini (Veal & Makinster, 1999). Topik khusus sebenarnya pecahan topik daripada PPK bidang khusus. Misalnya, bidang *litericha* (sastera) bahasa Iban terbahagi kepada beberapa topik khusus seperti *pantun*, *ensera*, *sabak*, *ganu*, *pelundai*, *jawang*, *ramban*, *sugi*, *renong*, *tanya indu*, *timang*, *pengap*, *pelian*, *sampi*, *naku pala* dan banyak lagi (Chemaline anak Osup, 2006). Guru yang mempunyai pengetahuan mendalam dalam PPK tahap ini, kebiasaannya telah menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam dua tahap PPK sebelum ini.

Selain pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi, PPK juga bergantung kepada pengetahuan guru terhadap ciri atau latar belakang murid yang diajarnya. Dua elemen penting yang terkandung dalam PPK ialah pengetahuan cara bagaimana isi muridan dapat disampaikan kepada murid dengan berkesan dan memahami masalah pembelajaran murid khususnya yang berkaitan dengan isi kandungan pembelajaran tersebut (Norasliza Hassan & Zaleha Ismail, 2008).

PPK adalah masalah *learning to teach*, iaitu bagaimana guru menterjemahkan pengetahuan daripada satu bentuk kepada bentuk yang lain, persoalan kepada aturan daripada menghuraikan makna pengalaman yang kompleks (Chemaline anak Osup, 2006). PPK juga termasuk pengetahuan terhadap teknik-teknik penilaian penguasaan kemahiran dan kefahaman konsep murid serta strategi pengajaran agar isi pembelajaran dapat dibina dan difahami oleh murid secara bermakna (Magdeline anak Nor, 2008). Walau bagaimanapun, Lilia Halim, Abd. Razak Habib, Abd. Rashid Johar dan Tamby Subahan Mohd. Meerah (2001) mempunyai sedikit perbezaan pendapat dengan pengkaji-pengkaji sebelumnya. Mereka berpendapat bahawa PPK bukan hanya empat komponen, iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan tentang konteks dan, pengetahuan tentang murid. Sebaliknya mereka telah menambah satu lagi komponen, iaitu sikap dan emosi guru. Sikap dan emosi guru dikatakan memberi kesan positif dan negatif kepada murid. Mereka mendapati sikap guru yang bersungguh-sungguh mengajar membuatkan murid bersemangat dan berakhir dengan kefahaman murid. Jika emosi guru

tidak stabil dan asyik memarahi murid, maka murid akan berasa bosan serta terganggu dan seterusnya tidak memahami pembelajaran mereka.

### Pernyataan Masalah

Kekurangan kajian PPK dalam mata pelajaran bahasa di Malaysia merupakan salah satu faktor kajian ini perlu dijalankan. Tambahan pula, tanpa sesuatu kajian boleh menyebabkan idea akan terhad untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran, terutama untuk memahami hubungan antara pengetahuan, pengajaran dan pembelajaran murid (Solis, 2009). Hasrat pengkaji ini selaras dengan pendapat Nurul Hudda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof dan Kamarulzaman Abdul Ghani (2010) yang mengatakan kajian seperti ini amat perlu dijalankan supaya setiap kelemahan atau kekuatan dapat dikenal pasti dan seterusnya diperbaiki atau dilaku penambahbaikan.

Bahasa Iban pernah ditawarkan di peringkat pengajian tinggi pada tahun 70-an, tetapi kajian mata pelajaran Bahasa Iban amat kurang dilaksanakan di Malaysia. Kajian yang ada lebih menjurus kepada tatabahasa (Asmah Hj. Omar, 1981), susur galur bahasa Iban (Asmah Hj. Omar, 1985; 1993), fonologi dan morfologi (Ismail Jusoh, 1991; Rahim Aman, 1997, 2006; Shahidi Abd. Hamid, 2000) dan puisi (Chemaline anak Osup, 2006). Kajian mereka tidak menjurus kepada bahasa Iban sebagai satu mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah. Oleh itu, impak dan keberkesanan pengajaran guru-guru bahasa Iban tidak diketahui umum, termasuklah oleh guru-guru tersebut sendiri.

Hal tersebut membawa kepada salah faham antara guru bahasa Iban dengan muridnya. Perkara tersebut berlaku dalam dapatan kajian Magdeline anak Nor (2008) yang mendapati guru-guru pada pandangan murid telah menggunakan kelima-lima gaya pengajaran Grasha (1996). Pandangan murid tersebut berbeza dengan pandangan guru yang menyatakan mereka tidak pernah langsung menggunakan gaya pengajaran pakar dan juga gaya pengajaran *delegator*. Menurut Grasha (1996), gaya pengajaran pakar ialah guru beranggapan dirinya mempunyai pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan oleh murid. Manakala gaya pengajaran *delegator* ialah guru memberikan perhatian kepada membentuk kebolehan murid untuk berfungsi secara autonomi. Malah dari segi sikap murid Iban terhadap mata pelajaran Bahasa Iban, hanya terdapat 37.5 peratus murid sahaja yang bersikap positif terhadap bahasa Iban. Dalam hal ini, guru perlu mengambil kira gaya pembelajaran murid. Mengadaptasikan gaya pembelajaran murid dapat membantu guru merancang pengajarannya dengan baik (Rosniah Mustaffa, 2007).

Kekurangan kajian tentang mata pelajaran Bahasa Iban juga menyebabkan masalah yang timbul tidak diketahui oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti Pusat Pengembangan Kurikulum selaku perancang dan penggubal dasar pengajaran bahasa Iban. Semasa kajian ini dibuat, hanya Lambat anak Lindong (2007) dan Magdeline anak Nor (2008) yang telah membuat kajian tentang mata pelajaran Bahasa Iban. Dapatan kajian Magdeline anak Nor (2008) tentang sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Iban amat memerlukatkan apabila terdapat 10 peratus murid mempunyai sikap yang negatif terhadap mata pelajaran tersebut.

Guru-guru bahasa Iban yang sedia ada terdiri daripada guru-guru mata pelajaran lain seperti guru bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Sains, Pendidikan Seni, Kesusastraan Melayu, Geografi, Matematik dan lain-lain lagi. Guru-guru tersebut merupakan guru-guru kaum Iban yang diarahkan oleh pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Iban. Sebenarnya mata pelajaran Bahasa Iban mengalami nasib yang sama seperti mata pelajaran Pendidikan Moral. Guru-guru Pendidikan Moral juga terdiri daripada mereka yang pelbagai latar belakang, pengkhususan dan pengalaman. Kebanyakan guru yang mengajar Pendidikan Moral ialah guru pengkhususan disiplin Sains Sosial, Sains Tulen dan Teknologi. Malah, sebahagian guru tersebut hanya mempunyai pengalaman belajar mata pelajaran tersebut di sekolah. Terdapat juga guru-guru baru yang tidak terlatih dalam mata pelajaran Pendidikan Moral diarahkan mengajar untuk memenuhi keperluan sekolah, iaitu untuk mencukupkan bilangan waktu mengajar atau mengisi tempat guru lain (Abdul Shatar Che Abd Rahman, 2007).

Selain daripada ilmu pengetahuan, proses penyampaian ilmu pengetahuan oleh guru kepada murid-muridnya juga amat penting. Guru yang berilmu pengetahuan tinggi, tetapi gagal untuk menyalurkan ilmunya kepada murid-murid sering disebut sebagai ‘guru syok sendiri’. Guru perlu memastikan sesuatu keterampilan cukup dikuasai sebelum mengajar perkara yang baru kepada murid. Jika tidak, guru akan ‘syok sendiri’, manakala murid-murid akan ‘ternganga’ (Utusan Malaysia, 2002). Hal yang sama pernah diutarakan oleh penyelidik sebelum ini. Misalnya Magdaline anak Nor (2008) menyatakan gaya pengajaran yang dipilih oleh guru tidak semestinya disukai oleh murid. Jika hal sedemikian berlaku, maka wujudlah situasi guru tersebut mengajar ‘syok sendiri’. Dalam konteks mata pelajaran Bahasa Iban, pengajaran guru-guru bahasa Iban belum tentu dapat difahami oleh murid-muridnya. Guru yang ‘syok sendiri’ mengajar, manakala murid pula tidak mendapat manfaat daripada sesi pengajaran dan pembelajaran yang dihadiri.

Kajian tentang PPK dalam kalangan guru sekolah rendah dan juga sekolah menengah amat sedikit (Tengku Zawawi Tengku Zainal, 2005). Jika merujuk kepada mata pelajaran Bahasa Iban, belum ada kajian tentang PPK dijalankan untuk sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Kajian PPK terhadap mata pelajaran bahasa juga amat kurang di Malaysia. Setakat ini, kajian PPK berkaitan bahasa di Malaysia hanya dilaksanakan oleh Nurul Hudaa Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof dan Kamarulzaman Abdul Ghani (2010) yang mengkaji PPK Bahasa Arab.

## **Objektif dan Soalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk meneroka dan meneliti secara mendalam PPK yang dimiliki oleh guru bahasa Iban sekolah menengah di Sarawak. Secara khusus, soalan kajian ini adalah untuk mengetahui:

1. Apakah PPK yang dimiliki oleh guru-guru bahasa Iban?
2. Apakah strategi pengajaran PPK guru-guru bahasa Iban?

3. Bagaimana komponen-komponen pengetahuan isi kandungan mata pelajaran, pengetahuan pedagogi mata pelajaran dan pengetahuan terhadap ciri murid menghasilkan PPK semasa pengajaran bahasa Iban?

## Metodologi

Reka bentuk kajian ini ialah reka bentuk kualitatif jenis kajian kes. Merriam (1998) menyifatkan kajian kes sebagai satu kaedah kajian yang holistik dengan menggunakan bukti daripada pelbagai sumber untuk dianalisis atau menilai fenomena yang khusus atau seumpamanya. Empat orang guru bahasa Iban dari Pejabat Pelajar Daerah (PPD) Subis, Sarawak menjadi peserta kajian kes, iaitu terlibat dalam temu bual. Guru bahasa Iban ini dipilih secara rawak mudah yang mengajar di tiga buah sekolah menengah kebangsaan di PPD Subis (Unit Bahasa Etnik, 2010).

Untuk melihat kesahan protokol temu bual, pengkaji telah meminta beberapa orang pakar untuk menilai dan menyemak soalan protokol yang dibina. Pakar-pakar tersebut terdiri daripada pensyarah yang pakar dalam PPK, pensyarah bahasa Iban dan guru bahasa Iban yang berpengalaman. Untuk melihat kebolehpercayaan data temu bual yang dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah pengiraan Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa seperti yang dicadangkan oleh Yin (1994). Penggunaan Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa boleh dipercayai kerana beberapa pengkaji kualitatif di Malaysia telah menggunakan persetujuan Cohen Kappa ini untuk mengesahkan tema atau unit yang ditemui dalam analisis data temu bual supaya boleh dipercayai (Zamri Mahamod, 2004).

Pengkaji telah meminta perkhidmatan tiga orang pakar untuk menyemak dan memberikan komen terhadap protokol temu bual yang telah siap dibina oleh penyelidik. Ketiga-tiga orang pakar tersebut ialah dua orang mempunyai kepakaran dalam bidang Bahasa Iban dan penyelidikan kualitatif. Kebolehpercayaan data temu bual dilihat menggunakan kaedah Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa (K) menggunakan formula yang dicadangkan oleh Yin (1994), iaitu seperti berikut:

$$(fa-fc)/(N-fc)$$

fa= kekerapan persetujuan penilai

fc= kekerapan kebarangkalian

N= jumlah item yang disediakan dalam skema pengekodan

Data daripada temu bual telah dilakukan proses transkripsi bagi setiap subjek. Setelah data disemak, pengkaji terus mendapatkan tema-tema penting daripada data tersebut. Proses yang sama terus dilakukan sehingga sampai pada tahap ketepuan data. Untuk memudahkan pengkaji mengorganisasikan data, perisian NVivo 8 digunakan. Sebelum proses analisis dilakukan menggunakan perisian tersebut, semua hasil transkripsi dipastikan bersih terlebih dahulu, iaitu dengan cara meminta semak semula (*peer-checking*) oleh subjek kajian. Data kajian akan dikategorikan mengikut tema atau pola yang timbul hasil daripada kajian transkrip.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### Apakah PPK yang dimiliki oleh guru bahasa Iban yang menjadi peserta kajian?

Semua guru bahasa Iban sekolah menengah di Sarawak yang seramai 192 orang bukan pengkhususan dalam bahasa Iban (Unit Bahasa Etnik 2010). Dapatan kajian ini menunjukkan PPK mereka dipengaruhi oleh disiplin ilmu masing-masing. Guru-guru bahasa Iban yang berlatar belakang pelbagai pengkhususan telah melahirkan satu bentuk pengajaran bahasa Iban yang unik (Magdeline anak Nor, 2008). Hal ini kerana setiap guru tersebut akan mengajar berdasarkan gaya pengajaran masing-masing yang ternyata unik. Misalnya, dapatan kajian ini menunjukkan guru pengkhususan sastera akan mengajar bahasa Iban seperti mengajar sastera, guru pengkhususan muzik pula akan mengajar bahasa Iban dengan bantuan alat muzik termasuklah mengubah suai *leka main* (puisi) menggunakan muzik. Variasi gaya pengajaran guru tersebut secara tidak langsung telah melahirkan PPK yang tersendiri bagi setiap guru. Kajian ini mendapati setiap PPK guru bahasa Iban tersebut dipengaruhi PPK mata pelajaran pengkhususan mereka.

Dapatan kajian ini menolak dapatan kajian Shimon dan Brawdy (2001) serta Nurul Huda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof dan Kamarulzaman Abdul Ghani (2010) yang mengatakan bahawa guru bukan pengkhususan yang mengajar mata pelajaran lain akan mempunyai banyak kelemahan. Perkara yang sebaliknya berlaku kepada guru-guru bahasa Iban kerana dapatan kajian menunjukkan mereka berusaha sebaik mungkin untuk menyampaikan pengajaran kepada murid. Malah melalui analisis dokumen yang dilakukan oleh pengkaji, didapati ketiga-tiga buah sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini telah mendapat kelulusan 100 peratus dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah tahun sebelumnya. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak ada perbezaan yang ketara antara guru berpengalaman dan guru yang baru. Keadaan ini selari dengan dapatan Tengku Zawawi Tengku Zainal (2005) dalam kajiannya terhadap guru Matematik. Guru baru menguasai PPK melalui teknologi terkini seperti kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pembacaan dan pencarian bahan melalui Internet banyak membantu guru-guru baru. Manakala guru-guru lama pula banyak bergantung kepada pengalaman dan pengumpulan ilmu serta bahan selama bertahun-tahun telah mengajar.

Jika kajian seperti Zaidah Yazid (2005) mendapati guru baru mempunyai PPK yang kurang lengkap dan cetek, serta guru dikatakan mengajar tanpa mengubah suai, keadaan amat berbeza dengan dapatan kajian ini. Tidak jauh beza tahap PPK guru baru dan guru berpengalaman. Kajian ini mendapati bahawa faktor keperibadian guru yang membezakan penguasaan PPK guru, sama ada guru tersebut baru atau berpengalaman hanya menjadi faktor sampingan sahaja. Hal ini dapat dilihat pada temu bual dengan Guru Bahasa Iban 1 (GBI1) yang merupakan seorang guru berpengalaman:

“...dulu saya memang ada belajar linguistik. Jadi sedikit sebanyak pengalaman atau pengetahuan linguistik itu saya akan terapkan semasa saya mengajar bahasa Iban. Ia hampir sama dengan bahasa Melayu dari segi teori, kaedah...sama saja”.

Dapatan yang hampir sama juga dikemukakan oleh GBI2 yang merupakan seorang guru baru. GBI2 berpendapat:

“...bagi pendapat saya seseorang guru itu kalau tak dapat banyak pengetahuan, dia mesti lebih dari murid itu sendiri. Maknanya dia kalau tidak ada pengalaman, dia harus belajar supaya dia lebih baik daripada murid itu sebelum dia mengajar. Bagi saya ilmu itu perlulah sebelum kita mengajar orang lain”.

Guru baru yang menjadi peserta kajian ini menunjukkan inisiatif dan daya usaha yang tinggi untuk mendalami mata pelajaran Bahasa Iban serta berusaha mencipta dan juga menyedia bahan bantu mengajar didapati mempunyai PPK yang lebih baik daripada guru berpengalaman yang bersikap sebaliknya. Melalui temu bual dan juga pemerhatian pengkaji, guru baru yang menjadi peserta kajian ini (GBI2) mengambil inisiatif untuk mengumpul dana sendiri untuk membeli kamus, mendapatkan bahan dari Yayasan Tun Jugah, menyediakan pelbagai alat bantu mengajar, fotostat bahan pengajaran, muat turun bahan pengajaran, menterjemahkan petikan bahasa Melayu ke bahasa Iban dan mengumpulkan kertas-kertas soalan peperiksaan dari sekolah-sekolah lain. Pengkaji berpeluang melawat Bilik Bahasa Iban yang disediakan pihak sekolah untuk guru-guru bahasa Iban sekolah GBI2 ini yang lengkap dengan bahan bantu mengajar, kamus, bahan pengajaran, fail-fail panitia dan juga hiasan kraf tangan masyarakat Iban. Melalui pemerhatian, guru baru akan menggunakan pelbagai kaedah untuk menyampaikan muridan mereka. Sebaliknya guru berpengalaman lebih terikat dengan kaedah tradisional, iaitu *chalk and talk*. Malah, guru-guru baru lebih menguasai teknologi yang membolehkan mereka mengubah suai pengajaran selaras dengan kepesatan teknologi.

### **Apakah strategi pengajaran PPK guru bahasa Iban yang menjadi peserta kajian?**

Strategi pedagogi kandungan guru-guru bahasa Iban dipengaruhi oleh latar belakang pengkhususan mereka. Dapatan kajian mendapati peserta kajian yang ada latar belakang pengkhususan bahasa dan sastera akan menggunakan pengetahuan mereka tentang bahasa dan sastera untuk mengajar bahasa Iban. Hal ini kerana isi kandungan mata pelajaran Bahasa Iban tidak jauh bezanya dengan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Kesusastraan Melayu. Manakala guru yang bukan pengkhususan mana-mana bahasa pula akan menggunakan pengetahuan mereka sebagai murid dahulu untuk mengajar bahasa Iban. Tambahan pula, peserta kajian sedar bahawa mereka kekurangan dari segi penguasaan isi kandungan. Oleh itu, mereka mengambil inisiatif belajar sendiri serta merujuk kepada orang-orang yang mahir dalam bahasa Iban untuk meningkatkan penguasaan isi kandungan bahasa Iban.

Guru-guru bahasa Iban banyak menggunakan buku teks sebagai bahan rujukan dan juga pengajaran utama mereka. Situasi ini berbeza dengan dapatan Abdul Shatar Che Abd. Rahman (2007) yang mendapati guru bukan pengkhususan mengajar terlalu bergantung pada buku teks. Semua peserta kajian banyak bergantung kepada buku teks bahasa Iban kerana itu satu-satunya bahan yang ada setakat ini. Bahan rujukan untuk bahasa Iban

belum ada diterbitkan, kecuali Kamus Bahasa Iban sahaja. Inisiatif salah seorang peserta kajian yang sanggup membeli kamus untuk semua muridnya menggunakan duit sendiri membuktikan bahawa guru-guru bahasa Iban berusaha sebaik mungkin meningkatkan pengajaran mereka. Peserta kajian memang banyak berkorban menyediakan bahan pengajaran bercetak menggunakan duit sendiri kerana pihak sekolah tidak memberi peruntukan yang besar untuk mata pelajaran elektif seperti bahasa Iban.

Jika Lilia Halim et al. (2001) mengatakan bahawa guru yang mengajar menggunakan kaedah tradisional menunjukkan guru-guru tersebut lemah dari segi PPK, situasi yang berbeza berlaku kepada guru-guru bahasa Iban. Faktor ketiadaan kelas dan terpaksa sentiasa berpindah kelas adakalanya memaksa guru-guru tersebut mengajar menggunakan kaedah tradisional, iaitu pengajaran berpusatkan guru. Dapatan kajian juga menunjukkan setiap peserta kajian mempunyai pendapat yang tersendiri berkenaan tujuan pengajaran bahasa Iban. Terdapat peserta kajian yang inginkan supaya bahasa Iban ada nilai komersial pada suatu hari nanti, dengan itu murid yang mempelajari bahasa Iban boleh mencari pekerjaan seperti menjadi guru bahasa Iban, pencipta lagu-lagu Iban, pemuzik, mengembangkan warisan kebudayaan bangsa Iban untuk memajukan sektor pelancongan dan sebagainya.

Selain itu, guru bahasa Iban juga mengharapkan agar semua muridnya pandai bertutur menggunakan bahasa Iban yang standard. Hal ini sedemikian kerana pada masa ini kebanyakan masyarakat Iban menggunakan bahasa Iban yang bercampur dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Sehingga kajian ini, bahasa Iban hanya ditawarkan kepada murid berbangsa Iban atau murid yang pandai bertutur dalam bahasa Iban. Oleh itu, guru-guru bahasa Iban menyimpan impian agar pada satu hari nanti bahasa Iban dapat ditawarkan kepada kaum lain sama seperti bahasa Cina yang banyak dipelajari kaum lain seperti India, Melayu dan juga Bumiputra Sabah dan Sarawak.

**Bagaimana komponen-komponen pengetahuan isi kandungan mata pelajaran, pengetahuan pedagogi mata pelajaran dan, pengetahuan terhadap ciri murid menghasilkan PPK semasa pengajaran bahasa Iban?**

Kajian membuktikan bahawa guru pengkhususan tidak semestinya mempunyai kefahaman yang mendalam dan dapat mengaitkan tajuk yang diajar dengan baik. Dapatan kajian ini menyokong dapatan Abdul Shatar Che Abd. Rahman (2007). Walaupun peserta kajian bahasa Iban bukan pengkhususan bahasa Iban serta ada yang tidak memiliki latar belakang pengkhususan Bahasa Melayu atau Kesusastraan Melayu, tetapi mereka tetap memiliki kefahaman yang baik terhadap tajuk yang diajar. Sikap sentiasa ingin belajar dan melaksanakan satu pengajaran yang terbaik banyak membantu kefahaman peserta kajian terhadap tajuk yang diajar. Sikap tersebut amat jelas seperti yang dinyatakan oleh GBI4:

“... seorang guru itu...dia sepatutnya memahami isi kandungan pengajaran itu supaya apa yang disampaikan kepada murid boleh disampaikan dengan baik. Kemudian tidak ada salah tafsiran bagi sesuatu terma”.

Hal ini bermakna dapatan kajian ini menolak dapatan Shimon dan Brawdy (2001) yang mengatakan guru pengkhususan mempunyai kefahaman yang mendalam dan dapat mengaitkan tajuk yang diajar dengan baik. Ternyata guru bukan pengkhususan juga mempunyai kefahaman yang mendalam jika mereka bersedia untuk belajar tentang mata muridan lain yang mereka akan ajar. Kajian mendapati peserta kajian berpendapat bahawa pengetahuan isi kandungan, pedagogi dan kefahaman terhadap murid sama penting. Namun mereka lebih mengutamakan isi kandungan berbanding pedagogi dan kefahaman terhadap murid. Guru-guru berpendapat bahawa seorang pendidik mesti menguasai isi kandungan mata pelajaran yang akan diajar. Pengetahuan serta kefahaman terhadap murid akan dijadikan panduan untuk guru menetapkan pedagogi yang sesuai digunakan dalam sesuatu pengajaran. Hal ini boleh dilihat melalui kata-kata peserta kajian GBI3 yang berikut:

“Ya...memanglah isi itu penting. Tetapi kalau isi itu penting tapi cara penyampaian atau pedagogi kita tidak betul jadi tak tercapailah. Bagi saya ketiga-tiga tu memang tak boleh mana satu yang diutamakan atau mana satu yang didahulukan. Memang semua sama ratalah...bagi sayalah. Sebab pengetahuan...katakan seorang guru itu ada pengetahuan, tetapi tak tahu mengajar, jadi matlamat tak tercapai, objektif tak tercapai”.

Majoriti peserta kajian berpendapat bahawa pedagogi tidak seharusnya dianggap berasingan dalam pengajaran. Hal ini diakui sendiri oleh peserta kajian GBI2 yang berpendapat kaedah pengajaran tidak boleh dipisahkan secara berasingan, sebaliknya digunakan secara bersama dalam pengajarannya. Namun demikian, GBI4 beranggapan pedagogi sepatutnya dianggap berasingan dalam pengajaran. GBI4 berpendapat bahawa setiap isi kandungan akan memerlukan pedagogi yang berbeza seperti mana dalam temu bual berikut:

“Isi kandungan sebab kita mesti jelaskan dululah atau kita mesti tau apa isi kandungan yang kita hendak sampaikan kepada murid. Kemudian baru kita tengok pedagogi dan seterusnya kefahaman murid. Sekiranya murid masih tidak faham apa yang kita ajarkan, adakah isi kandungan yang kita faham...ajar itu betul, atau adakah cara...pendekatan kita untuk murid itu perlu diubah atau sebaliknya”. (GBI4)

GBI2 berpendapat, PPK untuk setiap kelas akan berbeza bergantung dengan tahap pencapaian murid dalam sesuatu bilik darjah. Hal ini kerana pengetahuan profesional yang harus dimiliki oleh seorang pendidik ialah ilmu pengetahuan tentang mata pelajaran yang diajar seperti mana kata-kata peserta kajian GBI2 berikut:

“Perlu memahami mata pelajaran itu dan bagaimana mata pelajaran itu boleh menjadikan murid menjadi manusia yang bergunalah. Jadi

medium...mediumlah untuk interaksi bagi membolehkan murid menggunakan bahasa yang lebih baik setelah kita ajar. Selain daripada itu, kita boleh mendalami situasi masyarakat, selain itu untuk ekonomilah...ekonomi, sosial, agama...bahasa ini boleh membantu sepenuhnya”.

Semua peserta kajian sependapat bahawa tidak mendapat latihan dalam mata pelajaran Bahasa Iban tidak boleh dijadikan alasan guru kurang pengetahuan isi kandungan kerana guru masih boleh merujuk kepada guru-guru yang pernah menghadiri kursus-kursus bahasa Iban. Hal ini diakui oleh GBI1 yang berpendapat kesannya akan diterima oleh murid-murid berbangsa Iban.

“...sesetengah kita walaupun berbangsa Iban, tapi bila disuruh mengajar bahasa Iban ada yang tidak berminat. Jadi *at the end* yang rugi murid kitalah.”

GBI1 mengatakan ilmu yang berkembang adalah ilmu yang sentiasa ditambah dan didalami dari semasa ke semasa. Malah semua peserta kajian berpendapat, melalui pengajaran mata pelajaran Bahasa Iban, mereka makin menguasai isi kandungan mata pelajaran tersebut.

## Kesimpulan

Kepentingan PPK tidak boleh dipandang remeh oleh warga pendidik, khususnya guru-guru bahasa Iban. Malah semua peserta kajian berpendapat bahawa PPK amat penting untuk mendapatkan hasil pengajaran yang diharapkan. Oleh itu, PPK seharusnya diterapkan bermula dari peringkat akar umbi sistem pendidikan guru, iaitu bermula daripada latihan perguruan yang diterima sehingga diaplikasikan dalam pengajaran di dalam bilik darjah.

Perkembangan PPK seseorang guru amat dipengaruhi oleh faktor latar belakang penghususan guru dan juga pengalaman guru. Dapatan kajian terhadap PPK guru-guru bahasa Iban ini mendapati faktor keperibadian guru itu sendiri amat mempengaruhi perkembangan PPK guru tersebut. Peribadi seorang guru bahasa Iban dilihat berperanan besar dalam mengembangkan tahap PPK guru-guru bahasa Iban. Guru yang rajin dan berinovasi dilihat mempunyai tahap PPK yang lebih baik berbanding guru lain tanpa mengambil kira latar belakang penghususan dan juga pengalaman guru tersebut. Dapatan juga menunjukkan bahawa selain daripada pengetahuan isi kandungan, pedagogi dan kefahaman terhadap murid, terdapat juga beberapa faktor lain yang mempengaruhi hala tuju pengajaran guru bahasa Iban, iaitu:

1. Faktor mencampuradukkan bahasa Iban dengan bahasa-bahasa lain yang menyebabkan bahasa Iban menjadi ‘bahasa pasar’. Masyarakat Iban semakin sukar membezakan antara bahasa Iban standard dengan ‘bahasa Iban pasar’. Hal ini telah mendorong guru-guru untuk mengajar bahasa Iban dengan harapan murid-murid ini

- nanti dapat bertutur bahasa Iban dengan betul serta dapat membuat perkongsian ilmu dengan masyarakat kampung masing-masing.
2. Faktor beban tugas guru yang banyak seperti mengajar sampai 35 waktu seminggu, termasuk kelas bahasa Iban di luar proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan guru berasa tidak berdaya untuk memberi yang terbaik dalam pengajaran mereka. Kesannya, guru tidak berasa seronok mengajar dan hanya menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran supaya murid dapat lulus peperiksaan sahaja.
  3. Faktor keluarga murid seperti ibu bapa yang beranggapan bahawa bahasa Iban itu bahasa ibunda yang tidak perlu dipelajari. Sehubungan itu, amat kurang murid berbangsa Iban yang mahu mengambil bahasa Iban sebagai mata pelajaran elektif di sekolah.

Kesimpulannya, kajian ini merupakan kajian awal tentang PPK bahasa Iban di Malaysia. Belum ada satu kajian empirikal yang mengkaji tentang PPK bahasa Iban dan penemuan awal ini memberi laluan untuk kajian selanjutnya dalam mata pelajaran Bahasa Iban di Malaysia. Hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu guru-guru bahasa Iban merancang PPK supaya menjadi lebih mantap dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kepelbagaiannya murid.

## Rujukan

- Abdul Shatar Che Abd Rahman. (2007). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan 4 di sebuah sekolah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmah Hj. Omar. (1981). *The Iban language of Sarawak: A grammatical description*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1985). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1993). Perkaitan bahasa Melayu dengan bahasa Iban dari segi sejarah. Dlm. Nik Safiah Karim (pnyt.), *Tinta sejarah* (hlm. 39-55). Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Chemaline anak Osup. (2006). *Leka main puisi rakyat Iban: Satu analisis bentuk dan fungsi*. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Grasha, A. F. (1996). *Teaching with styles: A practical guide to enhance learning by understanding learning and teaching styles*. New York: Alliance Publisher.
- Ismail Jusoh. (1991). Kajian bandingan fonologi bahasa Melayu dan bahasa Iban. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35(2), 146-172.

Lambat anak Lindong. (2007). *Sejarah bahasa Iban di sekolah di Sarawak*. Unit Bahasa Etnik, Pusat Perkembangan Kurikulum.

Lilia Halim, Abd. Razak Habib, Abd. Rashid Johar & Tamby Subahan Meerah. (2001). Tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru pelatih Fizik dan bukan Fizik melalui pengajaran eksplisit dan implisit. *Jurnal Pendidikan*, 26, 65-80.

Magdeline anak Nor. (2008). *Sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Iban dan pertaliannya dengan gaya pengajaran guru*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Norasliza Hassan & Zaleha Ismail. (2008). Pengetahuan pedagogi kandungan guru pelatih Matematik sekolah menengah. *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik*. Universiti Teknologi Malaysia pada 11-12 Oktober.

Nurul Huda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). Pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi tajuk Isim Ai-Adad Wa Al-Ma'dud dalam kalangan guru bahasa Arab sekolah menengah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah*, 2 (hlm. 31-42). Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahim Aman. (1997). Kebersamaan morfologi kelompok Ibanik dan Inovasi {Di} Ibanik + Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41(9), 842-846.

Rahim Aman. (2006). *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk dan Mualang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.

Rosniah Mustaffa. (2007). Mengadaptasikan gaya pembelajaran murid ESL: Satu kajian kes murid tahun satu di UKM. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 7(1), 1-32.

Sarawak Government Official Portal. (2010). Sarawak. (Atas talian) Muat turun 10 Ogos 2010, dari <http://www.sarawak.gov.my>

Shahidi Abd. Hamid. (2000). Analisis fonologi bahasa Iban. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44(4), 434-444.

Shimon, J. M. & Brawdy, P. (2001). A good teacher can teach anything? *Annual Meeting of the Western College Physical Education Society*, Reno, NV, 10-12 Oktober 2001.

- Shulman, L. (1986). *Knowledge and teaching: Foundation of new reform.* Havard Educational Review, 57(1), 1-22.
- Solis, A. (2009). Pedagogical content knowledge: what matters most in the professional learning of content teachers in classrooms with diverse student populations. *Intercultural Development Research Association (IDRA) newsletter.* (Atas talian) Muat turun 10 Julai 2010, dari <http://www.idra.org>
- Tengku Zawawi Tengku Zainal. (2005). *Pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi tajuk 'Pecahan' di kalangan guru matematik sekolah rendah.* Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Unit Bahasa Etnik. (2007). *Laporan mesyuarat pegawai bahasa Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan/Daerah Kecil: Status pelaksanaan mata pelajaran bahasa etnik di sekolah (Iban, Kadazandusun dan Semai).* Holiday Inn Kuching, 6-9 Mei 2007. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Unit Bahasa Etnik. (2010). *Data bahasa Iban sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut daerah di Sarawak.* Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Utusan Malaysia. (2002). Pisahkan isu penguasaan bahasa Inggeris. (Atas talian) Muat turun 28 Ogos 2010, dari <http://utusan.com.my>
- Veal, W.R & Makinster, J.G. (1999). Pedagogical content knowledge taxonomies. *Elettronik Journal of Science Education.* (Atas talian) Muat turun 25 Ogos 2010, dari <http://unr.edu/homepage/crother/ejse/vealmak.html>
- Yin, R.K. (1994). *Case study research: Design and methods.* (Edisi ke-2). Thousand Oaks, CA: Sage Publications, INC.
- Zaidah Yazid. (2005). *Pengetahuan pedagogikal kandungan guru Matematik Tambahan berpengalaman: Satu kajian kes.* Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zamri Mahamod. (2004). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu sekolah menengah.* Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

### **Penulis**

Zamri Mahamod adalah Prof. Madya Dr. di Fakulti Pendidikan. Kini memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan. Bidang kepakaran ialah Pendidikan Bahasa Melayu, Pendidikan Kesusastraan Melayu, Strategi Belajar. Banyak menerbitkan artikel dalam bentuk jurnal, buku dan bab dalam buku dalam bidang kepakaran.

Magdelene anak Noor adalah seorang guru Bahasa Iban di SMK Subis, Miri Sarawak. Kini melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah di Fakulti Pendidikan UKM.